


 <b>ISO 9001:2008</b>	<b>PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR</b>	No. Dokumen : <b>PADAT-PS-04</b>
		No. Pindaan : 02
	<b>PROSEDUR SOKONGAN PERLANTIKAN TENAGA PAKAR</b>	Tarikh Kuatkuasa : 06.08.2010
		Mukasurat : 1 dari 5

# PROSEDUR SOKONGAN PERLANTIKAN TENAGA PAKAR

## PADAT-PS-04



 <b>ISO 9001:2008</b>	<b>PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR</b>	No. Dokumen : <b>PADAT-PS-04</b>
		No. Pindaan : 02
	<b>PROSEDUR SOKONGAN PERLANTIKAN TENAGA PAKAR</b>	Tarikh Kuatkuasa : 06.08.2010
		Mukasurat : 3 dari 5

## 1.0 OBJEKTIF

Prosedur perlantikan Tenaga Pakar dalam menjalankan kerja-kerja penyelidikan.

## 2.0 SKOP

Prosedur sokongan ini digunakan di dalam Prosedur Kualiti bagi Proses Pengurusan dan Pelaksanaan Projek Penyelidikan Warisan Budaya dan Pelaksanaan Perolehan Koleksi / Artifak.

## 3.0 DEFINISI

### 3.1 Tenaga Pakar :

3.1.1 Seseorang / individu / kumpulan / Jabatan lain yang bukan dari kakitangan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor yang mempunyai kepakaran di dalam sesuatu bidang berdasarkan kelulusan / pengalaman / kemahiran / pengiktirafan yang telah terbukti kemampuannya.

3.1.2 Tenaga Pakar yang dilantik boleh terdiri daripada kalangan Ahli Lembaga Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor yang telah dilantik.

3.1.3 Kepakaran yang diperlukan hanya terpakai pada perlantikan Tenaga Pakar khusus tentang Projek Penyelidikan Warisan Budaya dan Pelaksanaan Perolehan Koleksi / Artifak sahaja. Ianya tidak digunakan pada yang lain termasuk dalam soal latihan / bengkel / seminar dan seumpamanya.


 <b>ISO 9001:2008</b>	<b>PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR</b>	No. Dokumen : <b>PADAT-PS-04</b>
		No. Pindaan : 02
	<b>PROSEDUR SOKONGAN PERLANTIKAN TENAGA PAKAR</b>	Tarikh Kuatkuasa : 06.08.2010
		Mukasurat : 4 dari 5

#### 4.0 CADANGAN PERLANTIKAN TENAGA PAKAR

- 4.1 Ketua Penyelidik / Ketua Projek akan terlebih dahulu mengkaji tentang keperluan Tenaga Pakar. Jika diperlukan satu kertas cadangan hendaklah di buat dengan mencadangkan nama-nama yang sesuai.
- 4.2 Kertas cadangan tersebut hendaklah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Koleksi bagi membincangkan cadangan tersebut untuk dipersetujui.
- 4.3 Jika peruntukan tersebut munasabah dan mempunyai peruntukan ianya boleh diluluskan untuk perlantikan.
- 4.4 Namun sekiranya cadangan perlantikan tersebut tidak mempunyai peruntukkan / memerlukan dana yang lebih besar, kertas cadangan ini perlu dibawa ke Mesyuarat Ahli Lembaga Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor bagi mendapatkan kelulusan.

#### 5.0 PERLANTIKAN TENAGA PAKAR

- 5.1 Ketua Penyelidik / Ketua Projek akan mengeluarkan surat tawaran lantikan untuk ditandatangani oleh Ketua Jabatan dengan salinan kepada Pengerusi Jawatankuasa berkenaan berserta **Borang PADAT (49)** dan **Borang PADAT (50)** untuk diisi oleh individu yang bersetuju dengan perlantikan tersebut. Tenaga Pakar yang telah dilantik akan mengembalikan semula borang-borang yang disertakan bersama surat perlantikan.

 <b>ISO 9001:2008</b>	<b>PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR</b>	No. Dokumen : <b>PADAT-PS-04</b>
		No. Pindaan : 02
	<b>PROSEDUR SOKONGAN PERLANTIKAN TENAGA PAKAR</b>	Tarikh Kuatkuasa : 06.08.2010
		Mukasurat : 5 dari 5

5.2 Ketua Jabatan akan memaklumkan kepada Ketua Penyelidik / Ketua Projek mengenai penerimaan perlantikan daripada Tenaga Pakar. Tenaga Pakar akan menandatangani perjanjian dengan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor bagi projek penyelidikan yang bakal dilaksanakan.

## 6.0 MELAKSANAKAN PROJEK

Segala kerja Penyelidikan Warisan Budaya dan Pelaksanaan Perolehan Koleksi / Artifak yang melibatkan perlantikan Tenaga Pakar Luar, prosedur ini hendaklah tidak sentiasa digunakan.

## 7.0 URUSAN PEMBAYARAN

Segala pembayaran ke atas Tenaga Pakar yang dilantik tertakluk kepada Prosedur Perolehan Pekeliling Perbendaharaan.

Disediakan oleh  (Tandatangan)	Disemak oleh  (Tandatangan)	Diluluskan oleh  (Tandatangan)
<b>Nama</b> : <b>Jawatan</b> : <b>Tarikh</b> :	<b>Nama</b> : <b>Jawatan</b> : <b>Tarikh</b> :	<b>Nama</b> : <b>Jawatan</b> : <b>Tarikh</b> :